

**Najib saman portal, kami mahu kembalikan ISA, kata Perkasa
Malaysian Insider
June 19, 2014
Oleh Hasbullah Awang Chik**

Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) hari ini memutuskan untuk tidak menyaman portal berita Malaysiakini kerana menyiarkan komen pembaca tetapi mahu Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dikembalikan.

Ketua Wira Perkasa Irwan Fahmi Ideris berkata, apa yang dilakukan Malaysiakini dengan menyiarkan komen pembaca kerana tiada lagi penguatkuasaan undang-undang seperti ISA menyebabkan ramai yang berani melakukan perkara melampaui batas.

"Kita tidak boleh hendak tutup komen pembaca kerana inilah rentetan apabila ISA dimansuhkan. Orang sudah berani pertikai Perkasa, agama, raja dan sebagainya.

"Kami akan pastikan perkara ini tidak berlaku. Kami akan berusaha mengembalikan ISA," katanya pada satu sidang media di Ibu Pejabat DBKL hari ini.

Semalam, Presiden Perkasa Datuk Ibrahim Ali berkat, pertubuhan tersebut disiasat polis London berikutan komen pembaca sebuah portal yang mendakwa mereka ke luar negara menggunakan dana awam.

Katanya, polis London mengambil keterangan ketua wiranita Perkasa dan jawatankuasa penganjur sehari sebelum Perkasa London dirasmikan.

Semalam, Presiden Perkasa Datuk Ibrahim Ali berkata, pertubuhan tersebut disiasat polis London berikutan komen pembaca sebuah portal yang mendakwa mereka ke luar negara menggunakan dana awam.

Katanya, polis London mengambil keterangan ketua wiranita Perkasa dan jawatankuasa penganjur sehari sebelum Perkasa London dirasmikan.

Artikel yang bertajuk "Adakah duit pembayar cukai digunakan untuk ke Eropah?" mencetuskan kemarahan Ibrahim yang mengirimkan SMS berkenaan dari London.

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam memerintahkan syarikat dan dua pengarang laman portal Malaysiakini memfailkan pembelaan berhubung kes saman fitnah yang difailkan Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak dan Setiausaha Kerja Umno, Datuk Ab Rauf Yusoh.

Mahkamah menetapkan 1 Julai depan untuk portal itu dan dua pengarangnya bagi mengemukakan pembelaan terhadap tuduhan tersebut.

Pada 30 Mei lalu, Najib memfailkan saman itu dan Ab Rauf mewakili Umno mendakwa ketiga-tiga defendan melapor, mengeluarkan dan membenarkan penerbitan dua artikel berasingan bertajuk "A case of the PM reaping what he sows" dan "How much will Najib spend to keep Terengganu?".

Artikel pertama iaitu "A case of the PM reaping what he sows" adalah berkaitan dasar kerajaan dan hudud manakala artikel kedua "How much will Najib spend to keep Terengganu?" berhubung isu kemelut politik di Terengganu bulan lalu.

Najib dan Ab Rauf mendakwa defendan membenarkan penerbitan artikel berkenaan dengan sengaja selain mengetahui ia adalah tidak benar dan tuduhan melulu tanpa mempedulikan kebenarannya.

Najib mendakwa, kata-kata fitnah itu menjejaskan reputasinya sebagai ahli politik, presiden Umno dan perdana menteri.

Kedua-dua plaintif menuntut ganti rugi am dan khas yang akan ditaksirkan mahkamah serta ganti rugi teruk, ganti rugi keterlaluan, faedah, injunksi untuk menahan defendan atau pembantu mereka menerbitkan artikel itu dan perintah defendan menerbitkan permohonan maaf secara bertulis untuk diterbitkan di akhbar dan kos. – 19 Jun, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-saman-portal-kami-mahu-kembalikan-isa-kata-perkasa>